

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P
PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan warganegara dan bukan warganegara berdasarkan jenis kesalahan yang menghadapi hukuman gantung sampai mati dari tahun 2005 sehingga 2015 dan adakah hukuman gantung sampai mati ini akan dimansuhkan atau tidak. Jika ya, bilakah ianya akan dimansuhkan dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara masih lagi menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di Negara ini.
2. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di Negara ini dan juga pelaksanaannya.
3. Keputusan dasar berhubung dengan pelaksanaan hukuman mati di Negara ini akan diputuskan berdasarkan hasil kajian tersebut.
4. Statistik Jabatan Penjara sehingga 30 April 2015 menunjukkan seramai 1,042 banduan telah disabitkan hukuman mati oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana 649 orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di Mahkamah manakala 393 orang dalam proses rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri.
5. Seramai 629 banduan dari jumlah di atas adalah rakyat Malaysia dan 413 banduan pula adalah warganegara asing. Banduan berkenaan terlibat dengan pelbagai kesalahan seperti pengedaran dadah, pembunuhan, memiliki senjata api dan penculikan.

Sekian, terima kasih.